



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**

# **Koreografi Tari**

**Sekolah Seni Malaysia**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**Tingkatan 4 dan 5**





**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**

# **Koreografi Tari**

**Sekolah Seni Malaysia**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**Tingkatan 4 dan 5**

**Bahagian Pembangunan Kurikulum**

**SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	4
Fokus.....	5
Kemahiran Abad Ke-21.....	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	9
Elemen Merentas Kurikulum.....	11
Pentaksiran Bilik Darjah.....	14
Organisasi Kandungan.....	18
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	
Improvisasi Tari.....	21
Komposisi Tari.....	28
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	
Pengkaryaan Tari .....	35

Glosari ..... 44

Panel Penggubal..... 45

Penghargaan..... 47



## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)



## **DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN**

### **3. Kurikulum Kebangsaan**

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997  
[PU(A)531/97.]



## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## PENDAHULUAN

DSKP KSSM Koreografi Tari Sekolah Seni Malaysia (SSeM) ialah dokumen yang memuatkan kandungan kurikulum mata pelajaran Koreografi Tari yang ditawarkan di SSeM. DSKP ini merupakan rujukan kepada guru untuk mengajar mata pelajaran ini. Matlamat dan objektif mata pelajaran dinyatakan dengan jelas sebagai garis panduan kepada guru tentang perkara yang perlu dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Bagi menterjemahkan matlamat dan objektif tersebut, kandungan DSKP diorganisasikan menerusi tiga lajur iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). SK menyatakan secara spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan. SP menggariskan penetapan kriteria pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap SK, manakala SPi merupakan suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid kuasai.

Kurikulum untuk semua mata pelajaran digubal berlandaskan Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Guru boleh merujuk perenggan ini untuk memahami tentang insan yang ingin dilahirkan sebagaimana yang digambarkan dalam kerangka tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga berhasrat untuk mempersiapkan murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21. DSKP ini menggariskan profil murid yang ingin dibentuk untuk mempersiapkan mereka mengharungi cabaran pada masa kini dan pada masa depan.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan secara eksplisit dalam Standard Pembelajaran. Guru diharapkan dapat menterjemahkan kemahiran tersebut semasa menjalankan PdP. Perenggan tentang perkara ini terdapat dalam DSKP dan boleh dijadikan rujukan guru untuk mendapatkan kefahaman berkaitan pengaplikasian KBAT dalam PdP.

PdP mata pelajaran Koreografi Tari menggalakkan murid untuk berfikir, berimajinasi dan membuat interpretasi. Kaedah pengajaran mata pelajaran ini haruslah dipelbagaikan untuk membantu murid memahami dan menguasai sesuatu konsep dan kemahiran. Guru boleh merujuk cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam DSKP ini untuk mendapatkan idea bagi menentukan strategi yang sesuai digunakan semasa menyampaikan kandungan DSKP kepada murid. Selain itu, guru juga digalakkan untuk menerapkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) semasa menjalankan PdP.

**MATLAMAT**

KSSM Koreografi Tari SSeM bermatlamat melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran mencipta koreografi tari bagi melahirkan insan kreatif, kritis dan berinovatif yang mempunyai jati diri melalui karya yang dihasilkan.

**OBJEKTIF**

KSSM Koreografi Tari SSeM Tingkatan 4 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Menghuraikan konsep dan kepentingan improvisasi dan komposisi dalam tari.
2. Menghuraikan kepentingan improvisasi dalam tari.
3. Mengenal pasti idea, tema dan konsep dalam karya improvisasi tari.
4. Membuat improvisasi tari yang melibatkan unsur tari.
5. Menjana dan menentukan idea, tema dan konsep dalam karya improvisasi tari dan koreografi tari.
6. Merangka gerak tari dan merangkai gerak tari dalam karya komposisi.
7. Menghasilkan reka bentuk pola lantai berdasarkan struktur komposisi.
8. Menghasilkan skor tari berdasarkan pola lantai yang telah dibentuk.
9. Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan karya.
10. Membuat demonstrasi persembahan hasil karya.
11. Membuat pembentangan hasil karya.
12. Menilai hasil karya.


KSSM Koreografi Tari Tingkatan 5 SSeM bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Menghuraikan konsep dan kepentingan koreografi dalam tari.
2. Menghuraikan kepentingan koreografi dalam Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif.
3. Mengaplikasi elemen koreografi dalam Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif.
4. Menjana dan menentukan idea, tema dan konsep dalam merancang karya Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif berdasarkan elemen koreografi.
5. Menghasilkan karya Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif berdasarkan elemen koreografi.
6. Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan karya Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif
7. Mempersembahkan hasil karya Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif.
8. Membentangkan hasil karya Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif.
9. Menilai hasil karya Tarian Kreasi dan Tarian Kreatif.
10. Menghasilkan karya dengan mengamalkan nilai murni dan beretika.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan

inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSM Koreografi Tari digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah



## FOKUS

KSSM Koreografi Tari SSeM memberi tumpuan kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran merancang untuk menghasilkan penciptaan tari. Pembelajaran koreografi tari berfokus kepada proses penciptaan tari yang meliputi aspek improvisasi, komposisi tari dan pengkaryaan tari seperti Jadual 1.

Jadual 1: Kandungan KSSM Koreografi Tari SSeM

TINGKATAN	KANDUNGAN
4	Improvisasi Tari
	Komposisi Tari
5	Pengkaryaan Tari

Aspek penciptaan tari diperjelaskan seperti berikut:

### (i) Improvisasi Tari

Dalam pembelajaran improvisasi tari, murid meneroka pelbagai gerakan untuk membentuk pelbagai gerak tari. Semasa aktiviti penerokaan ini, murid mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tentang unsur tari untuk menghasilkan karya improvisasi. Murid seterusnya berpeluang untuk merancang, mempersembahkan dan membentangkan hasil karya mereka.

### (ii) Komposisi Tari

Dalam pembelajaran komposisi tari, murid diberikan pengetahuan dan kemahiran untuk merangkaikan gerak tari dan membuat reka bentuk pola lantai berdasarkan struktur komposisi tari. Dengan pengetahuan dan kemahiran ini, murid seterusnya menghasilkan gerak tari yang mengandungi idea, tema dan konsep dalam penghasilan komposisi tari. Murid juga berpeluang untuk merancang, mempersembahkan dan membentangkan hasil karya mereka.

**(iii) Pengkaryaan Tari**

Pembelajaran pengkaryaan tari memberi fokus kepada pengaplikasian pengetahuan dan kefahaman improvisasi tari dan komposisi tari untuk menghasilkan karya tari. Seterusnya, murid berpeluang untuk merancang, mempersembahkan dan membentangkan hasil karya mereka.

**KEMAHIRAN ABAD KE-21**

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 2 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam KSSM Koreografi Tari SSeM juga turut menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2: Profil Murid

<b>PROFIL MURID</b>	<b>PENERANGAN</b>
<b>Berdaya Tahan</b>	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
<b>Mahir Berkomunikasi</b>	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Pemikir</b>	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
<b>Kerja Sepasukan</b>	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
<b>Bersifat Ingin Tahu</b>	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Berprinsip</b>	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
<b>Bermaklumat</b>	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
<b>Penyayang/ Prihatin</b>	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>Patriotik</b>	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
<b>Mengaplikasi</b>	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
<b>Menganalisis</b>	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
<b>Menilai</b>	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
<b>Mencipta</b>	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Aktiviti PdP Koreografi Tari adalah ke arah untuk membolehkan murid menguasai dan memperhalusi kemahiran penciptaan gerak tari. Setiap aktiviti adalah berlandaskan aktiviti amali yang dilakukan secara *hands-on*. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan oleh guru dalam merangka PdP bagi mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Pendekatan tersebut merupakan strategi guru bagi mencapai objektif PdP yang dirancang. Cadangan pendekatan yang boleh digunakan dalam PdP Koreografi Tari adalah seperti berikut:

### Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema merupakan kaedah PdP yang menekankan kepada pemilihan sesuatu tema atau topik yang dirancang. Pendekatan ini membolehkan guru merangka PdP dengan menggunakan pelbagai tema bagi membantu murid menguasai ilmu dengan membuat perkaitan secara kontekstual terhadap tema yang digunakan. Contoh tema yang boleh digunakan ialah, perayaan, kasih sayang, alam sekitar dan pesta menuai. Dalam proses pembelajaran, murid akan menghasilkan gerak tari berdasarkan tema yang telah ditetapkan.

### Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan satu kaedah PdP berpusatkan murid yang melibatkan pertanyaan dan rasa ingin tahu di mana murid mencari jawapan melalui pemerhatian, hipotesis, mengumpul data, pengukuran, menterjemah dan membina rumusan. Inkuiri juga merupakan proses PdP yang menggalakkan penyiasatan masalah, penerokaan dan penemuan untuk mendapatkan maklumat serta pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu tugas yang dijalankan.

Dalam konteks PdP Koreografi Tari, semasa menghasilkan karya, pelbagai persoalan boleh ditimbulkan oleh murid semasa menghasilkan karya contohnya, “Apakah perkaitan antara gerak tari yang dirancang menepati tema persembahan?”. Guru mengarahkan murid untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan mereka menerusi pelbagai sumber seperti internet dan kajian lalu di perpustakaan. Murid akan kembali ke kelas dengan maklumat yang diperolehi untuk dikongsikan.

### **Pembelajaran Berasaskan Masalah**

Pembelajaran Berasaskan Masalah merupakan kaedah PdP yang menekankan pembelajaran murid terhadap sesuatu topik menerusi penyelesaian sesuatu masalah. Kaedah ini boleh dijalankan secara kolaboratif dan berpusatkan murid bagi menambahkan kefahaman mereka tentang apa yang akan dipelajari dalam Koreografi Tari. Guru berperanan sebagai fasilitator iaitu beliau akan bersama-sama murid membentuk suatu persoalan permasalahan atau isu, kemudian menstruktur tugas yang relevan bagi menyelesaikan persoalan tersebut. Guru juga membimbing murid daripada aspek perkembangan pengetahuan dan kemahiran sosial. Contoh persoalan atau isu adalah seperti, “Adakah gerak tari yang dipilih ini boleh mencapai tema persembahan?” atau “Mengapakah kita perlu mengetahui tujuan sesuatu persembahan sebelum menghasilkan karya tari?”

### **Pendekatan Antara Disiplin**

Pendekatan Antara Disiplin merupakan kaedah PdP yang merentas beberapa disiplin ilmu. Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi dalam satu bidang disiplin lain sebagai satu cara untuk memperdalam pengalaman pembelajaran mereka. Pendekatan ini membolehkan guru merangka PdP dengan menggabungkan pengajaran gerak tari dengan disiplin ilmu yang lain. Sebagai contoh, murid menghasilkan gerak tari dengan mengaplikasikan pengetahuan berkaitan penjagaan keselamatan bagi mengelakkan kecederaan dalam koreografi tari mereka. Dengan ini murid akan mendapat ilmu tentang kemahiran koreografi tari berserta ilmu pendidikan jasmani.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:

- (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

### 5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

### 6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui pengubahsuaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

### 7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

### 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.



- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.
- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantuan komputer.

### **9. Kelestarian Global**

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.

- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

### **10. Pendidikan Kewangan**

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.

- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

### Tahap Penguasaan Umum

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 4 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap	Tafsiran
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

### **Pentaksiran KSSM Koreografi Tari SSeM**

Pencapaian murid ditaksir untuk mengetahui tahap penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran koreografi tari yang diajar. Penentuan tahap penguasaan ini memerlukan aktiviti pentaksiran yang dilakukan semasa atau di penghujung aktiviti PdP. Tahap penguasaan ini dinyatakan dengan jelas dan menjadi landasan yang kukuh kepada guru untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran seterusnya.

KSSM Koreografi Tari SSeM merupakan mata pelajaran yang memberi tumpuan kepada kemahiran merancang dan mencipta gerak tari melalui PdP adalah secara amali iaitu *hands-on* di bilik darjah. Pentaksiran dalam PdP dibuat dengan menitikberatkan proses semasa penghasilan karya tari. Guru hendaklah merancang dengan teliti kaedah yang sesuai untuk mentaksir murid bagi memastikan pentaksiran yang relevan dan menepati tujuan. Justeru, pemerhatian guru terhadap setiap aktiviti murid perlu direkodkan untuk memudahkan pentaksiran dilaksanakan.

### **Standard Prestasi KSSM Koreografi Tari SSeM**

Standard Prestasi KSSM Koreografi Tari SSeM diwujudkan sebagai kriteria untuk guru menentukan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran ini. Standard prestasi ini mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang merangkumi aspek kognitif, psikomotor, dan nilai.

Tahap penguasaan ini disusun mengikut hierarki bermula pada tahap penguasaan 1 yang menunjukkan penguasaan terendah sehingga penguasaan tertinggi iaitu tahap penguasaan 6.

### **Tahap Penguasaan Keseluruhan**

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM Koreografi Tari SSeM digunakan untuk melaporkan keseluruhan prestasi murid seperti jadual 5.

Jadual 5: Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM Koreografi Tari SSeM

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara asas dalam koreografi tari.
2	Menerangkan pengetahuan dan kemahiran dalam koreografi tari.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran koreografi tari dalam menghasilkan karya.
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperhalusi pengetahuan dan kemahiran koreografi tari dalam menghasilkan karya.</li> <li>• Mempamerkan nilai murni dalam penghasilan karya.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai dan memperhalusi pengetahuan dan kemahiran koreografi tari dalam menghasilkan karya.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan karya.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjana idea kreatif untuk menghasilkan karya tari</li> <li>• Membentangkan hasil karya tari.</li> <li>• Membuat persembahan hasil karya tari.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan karya serta menjadi contoh.</li> </ul>

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Koreografi Tari SSeM diorganisasikan berdasarkan 3 lajur utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi seperti Jadual 6.

Jadual 6: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

Pelaksanaan KSSM Koreografi Tari SSeM adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuat kuasa sekarang. Peruntukan masa minimum bagi mata pelajaran ini ialah 96 jam setahun.

Standard Kandungan,  
Standard Pembelajaran  
dan Standard Prestasi  
Tingkatan 4





**1.0 IMPROVISASI TARI**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Penghasilan Gerak Tari	Murid boleh:  1.1.1 Menghuraikan maksud dan kepentingan improvisasi dalam tari.  1.1.2 Mengenal pasti permulaan, perkembangan dan pengakhiran dalam improvisasi tari.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video persembahan tarian dan membuat refleksi.</li> <li>• Membuat perbincangan berkaitan maksud dan kepentingan improvisasi.</li> <li>• Membuat demonstrasi untuk mengenal pasti permulaan, perkembangan dan pengakhiran.</li> <li>• Murid membuat latihan secara solo, berpasangan dan berkumpulan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.3 Mengenal pasti idea, tema dan konsep dalam improvisasi tari.</p> <p>1.1.4 Menjana dan menentukan idea, tema dan konsep dalam improvisasi tari.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih dan menetapkan tema, idea dan konsep.</li> </ul> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– tema: padi</li> <li>– idea: kipas sebagai simbol padi</li> <li>– konsep: menanam padi</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid membuat latihan secara solo, berpasangan dan berkumpulan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.5 Membuat improvisasi tari yang mengandungi permulaan, perkembangan dan pengakhiran yang melibatkan unsur tari.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat latihan dan meneroka pergerakan menggunakan:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. tubuh badan contoh:                 <ul style="list-style-type: none"> <li>– menghayun tangan</li> </ul> </li> <li>b. ruang contoh:                 <ul style="list-style-type: none"> <li>– menghayun tangan pada aras rendah</li> </ul> </li> <li>c. masa contoh:                 <ul style="list-style-type: none"> <li>– menghayun tangan dengan cepat</li> </ul> </li> <li>d. tenaga contoh:                 <ul style="list-style-type: none"> <li>– menghayun tangan dengan kuat</li> </ul> </li> </ol> </li> <li>• Aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpul.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.6 Membuat improvisasi tari menggunakan <i>props</i> dan bahan rangsangan yang melibatkan unsur tari.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat latihan dan meneroka pergerakan menggunakan <i>props</i> dan bahan rangsangan. <ul style="list-style-type: none"> <li>– Contoh <i>props</i>: selendang, tali, kayu dan bola.</li> <li>– Contoh rangsangan: muzik, gambar, cerita dan puisi.</li> </ul> </li> <li>• Membuat latihan aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpul.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.7 Menghasilkan improvisasi tari berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) tema, idea dan konsep</li> <li>(ii) permulaan, perkembangan dan pengakhiran</li> <li>(iii) unsur tari</li> <li>(iv) <i>props</i> dan bahan rangsangan</li> </ul> <p>1.1.8 Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan improvisasi tari.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih dan menetapkan tema, idea dan konsep daripada pelbagai sumber.</li> <li>• Membuat latihan aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpul.</li> </ul> <p>Nota:</p> <p>Dalam menghasilkan karya perlu menekan aspek nilai seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– karya ciptaan adalah asli</li> <li>– menghormati ciptaan sebagai harta intelek</li> <li>– menghormati tatasusila budaya dan agama</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.9 Membentang dan mempersembahkan hasil improvisasi tari.</p> <p>1.1.10 Menilai, mengulas dan mengkritik hasil improvisasi tari yang dipersembahkan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid menggunakan kreativiti untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>– merancang dan membuat persediaan persembahan</li> <li>– sesi latihan persembahan</li> <li>– persembahan</li> <li>– pembentangan hasil improvisasi tari</li> </ul> </li> <li>• Menilai hasil karya sendiri dan rakan.</li> </ul> <p>Nota: Demonstrasi hasil improvisasi tari dijalankan berskala kecil di dalam kelas.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara asas dalam improvisasi tari.
2	Menerangkan pengetahuan dan kemahiran dalam improvisasi tari.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran improvisasi tari dalam menghasilkan gerak tari.
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghalusi pengetahuan dan kemahiran improvisasi tari dalam menghasilkan gerak tari.</li> <li>• Mempamerkan nilai murni dalam penghasilan gerak tari.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai dan memperhalusi pengetahuan dan kemahiran improvisasi tari dalam menghasilkan gerak tari.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan gerak tari.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjana idea kreatif untuk menghasilkan gerak tari.</li> <li>• Membentangkan dan mempersembahkan hasil improvisasi tari.</li> <li>• Menilai hasil improvisasi tari yang dipersembahkan.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan gerak tari serta menjadi contoh.</li> </ul>

## 2.0 KOMPOSISI TARI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Pembentukan Struktur Tari	Murid boleh:  2.1.1 Menghuraikan maksud komposisi dalam tari.  2.1.2 Mengenal pasti idea, tema dan konsep dalam komposisi tari.  2.1.3 Menjana dan menentukan idea, tema dan konsep dalam struktur gerak tari.  2.1.4 Merangka gerak tari berdasarkan idea, tema dan konsep yang dipilih.	Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat perbincangan untuk memilih idea, tema dan konsep.</li> <li>• Meneroka gerak tari.</li> </ul> Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>– Meneroka gerak kuda-kuda untuk mendapat gerak tari yang baharu.</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.1.5 Merangkaikan gerak tari berdasarkan struktur komposisi.</p> <p>2.1.6 Menghasilkan reka bentuk pola lantai berdasarkan struktur komposisi.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan menggabungkan gerak tari yang dihasilkan semasa aktiviti penerokaan.</li> <li>• Membuat transisi atau peralihan dari satu gerak ke gerak yang lain dengan menggunakan struktur komposisi.</li> <li>• Membuat demonstrasi pola lantai secara berkumpulan.</li> </ul> <p>Contoh pola lantai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– bunga lawang</li> <li>– pucuk rebung</li> </ul> <p>Nota:</p> <p>Struktur komposisi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– pengulangan</li> <li>– urutan</li> <li>– pengulangan songsang</li> <li>– kombinasi</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.1.7 Menghasilkan skor tari berdasarkan pola lantai yang telah dibentuk.</p> <p>2.1.8 Menghasilkan struktur komposisi tari berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) tema, idea dan konsep</li> <li>(ii) struktur komposisi</li> <li>(iii) unsur tari</li> <li>(iv) reka bentuk pola lantai</li> <li>(v) skor tari</li> </ul> <p>2.1.9 Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan struktur komposisi tari.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan melukis skor tari.</li> <li>• Meneroka pelbagai sumber untuk memilih dan menetapkan tema, idea dan konsep.</li> </ul> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– tema: padi</li> <li>– idea: kipas sebagai simbol padi</li> <li>– konsep: menanam padi</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat latihan secara berkumpulan.</li> </ul> <p>Nota:</p> <p>Dalam menghasilkan karya perlu menekan aspek nilai seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– karya ciptaan adalah asli</li> <li>– menghormati karya ciptaan sebagai harta intelek</li> <li>– menghormati tata susila budaya dan agama</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.1.10 Membentang dan mempersembahkan hasil komposisi tari.</p> <p>2.1.11 Menilai, mengulas dan mengkritik hasil komposisi tari yang dipersembahkan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid menggunakan kreativiti untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>– merancang dan membuat persediaan persembahan</li> <li>– sesi latihan persembahan</li> <li>– persembahan</li> <li>– pembentangan hasil karya komposisi tari</li> </ul> </li> <li>• Menilai hasil komposisi sendiri dan rakan.</li> </ul> <p>Nota: Demonstrasi hasil komposisi tari dijalankan secara berskala kecil di dalam kelas.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara asas dalam komposisi tari.
2	Menerangkan pengetahuan dan kemahiran dalam komposisi tari.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran komposisi tari dalam menghasilkan struktur tari.
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghalusi pengetahuan dan kemahiran komposisi tari dalam menghasilkan struktur tari.</li> <li>• Mempamerkan nilai murni dalam penghasilan struktur tari.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai dan memperhalusi pengetahuan dan kemahiran komposisi tari dalam menghasilkan struktur tari.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan struktur tari.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjana idea kreatif untuk menghasilkan struktur komposisi tari.</li> <li>• Membentangkan dan mempersembahkan hasil struktur komposisi tari.</li> <li>• Menilai hasil komposisi tari yang dipersembahkan.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan struktur serta menjadi contoh.</li> </ul>

Standard Kandungan,  
Standard Pembelajaran  
dan Standard Prestasi  
Tingkatan 5



**1.0 PENGKARYAAN TARI**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Pengkaryaan Koreografi	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Menyatakan maksud dan kepentingan koreografi dalam tarian.</p> <p>1.1.2 Menghuraikan elemen koreografi dalam tarian daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bentuk tarian</li> <li>(ii) Tema</li> <li>(iii) Ruang</li> <li>(iv) Muzik</li> <li>(v) Dinamik</li> <li>(vi) Sinografi dan kesan artistik</li> </ul>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video persembahan tarian dan membuat refleksi.</li> <li>• Membuat perbincangan berkaitan maksud dan kepentingan koreografi.</li> <li>• Membuat demonstrasi untuk mengenal pasti elemen dalam tarian.</li> <li>• Membuat latihan secara solo, berpasangan dan berkumpulan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.2 Tarian Kreasi	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Menyatakan maksud Tarian Kreasi.</p> <p>1.2.2 Menghuraikan elemen koreografi dalam Tarian Kreasi daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bentuk tarian</li> <li>(ii) Tema</li> <li>(iii) Ruang</li> <li>(iv) Muzik</li> <li>(v) Dinamik</li> <li>(vi) Sinografi dan kesan artistik</li> </ul> <p>1.2.3 Melakukan kajian ringkas penggunaan elemen koreografi dalam karya Tarian Kreasi.</p> <p>1.2.4 Membentangkan hasil kajian.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video persembahan tarian dan membuat refleksi.</li> <li>• Mendokumentasikan hasil kajian.</li> <li>• Meneroka dan melakar idea koreografi yang sesuai dengan konsep dalam penghasilan tari.</li> <li>• Membuat latihan lakaran koreografi dengan gerak tari.</li> <li>• Membuat latihan aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpul.</li> <li>• Meneroka pelbagai media untuk mendapatkan maklumat semasa membuat kajian.</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.2.5 Menjana idea dan mengimprovisasi gerak dalam menghasilkan koreografi Tarian Kreasi.</p> <p>1.2.6 Menjana idea dan membuat komposisi tari dalam menghasilkan koreografi Tarian Kreasi.</p> <p>1.2.7 Merancang dan menghasilkan karya Tarian Kreasi berdasarkan elemen koreografi daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Idea, tema dan konsep</li> <li>(ii) Gerak tari</li> <li>(iii) Pola lantai</li> <li>(iv) Muzik</li> <li>(v) Sinografi</li> </ul>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneroka dan membuat latihan improvisasi gerak tari berdasarkan idea.</li> <li>• Membuat latihan aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpul.</li> <li>• Mendokumentasikan hasil kerja.</li> </ul> <p>Nota:</p> <p>Menitikberatkan aspek berikut semasa menghasilkan karya tari.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– karya ciptaan adalah asli</li> <li>– mengekalkan identiti tarian yang dipilih</li> <li>– menghormati karya ciptaan sebagai harta intelek</li> <li>– menghormati tatasusila, budaya dan agama</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.2.8 Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan karya Tarian Kreasi dengan mengekalkan identiti dan kesopanan tarian yang dipilih.</p> <p>1.2.9 Mempersembahkan hasil karya Tarian Kreasi.</p> <p>1.2.10 Membentangkan hasil karya Tarian Kreasi.</p> <p>1.2.11 Menilai hasil karya Tarian Kreasi.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan kreativiti untuk; <ul style="list-style-type: none"> <li>– merancang dan membuat persediaan persembahan</li> <li>– membuat latihan persembahan</li> <li>– membuat persembahan</li> <li>– membuat pembentangan hasil karya Tarian Kreasi</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan kreativiti semasa membuat pembentangan.</li> <li>• Menilai hasil karya sendiri dan rakan.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara asas koreografi dalam Tarian Kreasi.
2	Menerangkan pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam Tarian Kreasi.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam menghasilkan Tarian Kreasi.
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghalusi pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam menghasilkan karya Tarian Kreasi.</li> <li>• Mempamerkan nilai murni dalam penghasilan koreografi Tarian Kreasi.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai dan menghalusi pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam menghasilkan Tarian Kreasi.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan koreografi Tarian Kreasi.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjana idea kreatif untuk menghasilkan koreografi Tarian Kreasi.</li> <li>• Membentangkan dan mempersembahkan hasil koreografi Tarian Kreasi.</li> <li>• Menilai hasil koreografi Tarian Kreasi yang dipersembahkan.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan koreografi Tarian Kreasi serta menjadi contoh.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.3 Tarian Kreatif	<p>Murid boleh:</p> <p>1.3.1 Menyatakan maksud Tarian Kreatif.</p> <p>1.3.2 Menghuraikan elemen koreografi dalam Tarian Kreatif daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bentuk tarian</li> <li>(ii) Tema</li> <li>(iii) Ruang</li> <li>(iv) Muzik</li> <li>(v) Dinamik</li> <li>(vi) Sinografi dan kesan artistik</li> </ul> <p>1.3.3 Melakukan kajian ringkas penggunaan elemen koreografi dalam karya Tarian Kreatif.</p> <p>1.3.4 Membentangkan hasil kajian.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video persembahan tarian dan membuat refleksi.</li> <li>• Mendokumentasikan hasil kajian.</li> <li>• Meneroka dan melakar idea koreografi yang sesuai dengan konsep penghasilan tari.</li> <li>• Membuat latihan lakaran koreografi dengan gerak tari.</li> <li>• Membuat latihan aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpulan.</li> <li>• Meneroka pelbagai media untuk mendapatkan maklumat semasa membuat kajian.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.3.5 Menjana idea dan mengimprovisasi gerak dalam menghasilkan koreografi Tarian Kreatif .</p> <p>1.3.6 Menjana idea dan membuat komposisi tari dalam menghasilkan koreografi Tarian Kreatif.</p> <p>1.3.7 Merancang dan menghasilkan karya Tarian Kreatif berdasarkan elemen koreografi daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Idea, tema dan konsep</li> <li>(ii) Gerak tari</li> <li>(iii) Pola lantai</li> <li>(iv) Muzik</li> <li>(v) Sinografi</li> </ul>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneroka dan membuat latihan improvisasi gerak tari berdasarkan idea.</li> <li>• Membuat latihan aktiviti penerokaan secara solo, berpasangan dan berkumpulan.</li> <li>• Mendokumentasikan hasil kerja.</li> <li>• Membuat latihan untuk menghasilkan skor tari.</li> </ul> <p>Nota:</p> <p>Menitikberatkan aspek berikut semasa menghasilkan karya tari.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– karya ciptaan adalah asli</li> <li>– mengekalkan identiti tarian yang dipilih</li> <li>– menghormati karya ciptaan sebagai harta intelek</li> <li>– menghormati tatasusila, budaya dan agama</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.3.8 Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan karya Tarian Kreatif.</p> <p>1.3.9 Mempersembahkan hasil karya Tarian Kreatif.</p> <p>1.3.10 Membentangkan hasil karya Tarian Kreatif.</p> <p>1.3.11 Menilai hasil karya Tarian Kreatif.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan kreativiti untuk; <ul style="list-style-type: none"> <li>– merancang dan membuat persediaan persembahan</li> <li>– membuat latihan persembahan</li> <li>– membuat persembahan</li> <li>– membuat pembentangan hasil karya Tarian Kreatif</li> </ul> </li> <li>– Menggunakan kreativiti semasa membuat pembentangan</li> <li>– Menilai hasil karya sendiri dan rakan</li> </ul> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai Murni.</li> <li>• Nilai Estetik.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara asas koreografi dalam Tarian Kreatif.
2	Menerangkan pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam Tarian Kreatif.
3	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam menghasilkan Tarian Kreatif.
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghalusi pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam menghasilkan karya Tarian Kreatif.</li> <li>• Mempamerkan nilai murni dalam penghasilan koreografi Tarian Kreatif.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai dan menghalusi pengetahuan dan kemahiran koreografi dalam menghasilkan Tarian Kreatif</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan koreografi Tarian Kreatif.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjana idea kreatif untuk menghasilkan koreografi Tarian Kreatif.</li> <li>• Membentangkan dan mempersembahkan hasil koreografi Tarian Kreatif.</li> <li>• Menilai hasil koreografi Tarian Kreatif yang dipersembahkan.</li> <li>• Mengamalkan nilai murni dalam penghasilan koreografi Tarian Kreatif serta menjadi contoh.</li> </ul>

**GLOSARI**

<b>PERKATAAN</b>	<b>PENERANGAN</b>
Tarian Kreasi	Tarian yang diolah berasaskan tarian masyarakat di Malaysia terutamanya pada aspek ragam tari, pola lantai, susunan muzik dan busana tanpa menghilangkan identiti dan nilai tarian tersebut.
Tarian Kreatif	Tarian ciptaan baharu yang menggunakan idea asli serta mempunyai identiti, nilai dan estetika tersendiri.
Tarian masyarakat di Malaysia	<p>Tarian yang ditarikan oleh masyarakat Malaysia.</p> <p>Contoh : Tarian Masyarakat Melayu, Tarian Masyarakat Cina, Tarian Masyarakat India, Tarian Etnik Sabah, Tarian Etnik Sarawak, Tarian Pribumi dan Tarian Orang Asli.</p>

**NOTA:**

Setiap perkataan yang diberi penerangan maksudnya dalam glosari ini adalah tertakluk kepada konteks penggunaan perkataan tersebut dalam dokumen ini sahaja.



**PANEL PENGGUBAL**

- |     |                                      |  |
|-----|--------------------------------------|--|
| 1.  | Bakhtiar bin Mohd Salleh             | Bahagian Pembangunan Kurikulum                           |
| 2.  | Faridah binti Ramly                  | Bahagian Pembangunan Kurikulum                           |
| 3.  | Abdullah bin Harun                   | Bahagian Pembangunan Kurikulum                           |
| 4.  | Hazlifhadiahana binti Rosli          | Bahagian Pembangunan Kurikulum                           |
| 5.  | Siti Musfirah binti Md. Hashim       | Bahagian Pembangunan Kurikulum                           |
| 6.  | Tan Chai Chen                        | Universiti Malaya, Kuala Lumpur                          |
| 7.  | Mohd. Hairil Anuar bin Bari          | Universiti Malaya, Kuala Lumpur                          |
| 8.  | Dr. Premalatha a/p Thiagarajan       | Universiti Malaya, Kuala Lumpur                          |
| 9.  | Wong Kit Yaw                         | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kuala Lumpur |
| 10. | Alias bin Zakaria                    | IPG Kampus Raja Melewar, N. Sembilan                     |
| 11. | Kamalawati binti Dolhan              | IPG Kampus Batu Lintang Kuching                          |
| 12. | Fazrizzal bin Hudzuri                | Sekolah Seni Malaysia Johor, Johor                       |
| 13. | Mohd Fairuz bin Mhd Zahidi           | SMK Klebang Besar, Melaka                                |
| 14. | Mohd Fauzi bin Ahmad Selo            | Sekolah Seni Malaysia Johor, Johor                       |
| 15. | Ahmad Khairulanuar Rahimey bin Rahim | SMJK Seg Hwa, Johor                                      |
| 16. | Husaini bin Zakaria                  | SM Sains Muzaffar Syah Melaka                            |

**TURUT MENYUMBANG**

- |     |                                   |                                    |
|-----|-----------------------------------|------------------------------------|
| 1.  | Izu Hana Zilza binti Imran        | Sekolah Seni Malaysia Johor, Johor |
| 2.  | Mimi Syafinie binti Mohd Samsudin | Sekolah Seni Malaysia Johor, Johor |
| 3.  | Mohd Ghadafi bin Mohd Jaya        | Sekolah Seni Malaysia Johor, Johor |
| 4.  | Mohd Khuzairi bin Zainal          | SMK Seremban 3, N. Sembilan        |
| 5.. | Muhamad Farif bin Marlias         | Sekolah Seni Malaysia Johor, Johor |
| 6.  | Siti Noorliyanti binti Ramli      | Sekolah Seni Malaysia Perak, Perak |

## **PENGHARGAAN**

### **Penasihat**

- |                           |   |                          |
|---------------------------|---|--------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | – | Timbalan Pengarah        |
| Datin Dr. Ng Soo Boon     | – | Timbalan Pengarah (STEM) |

### **Penasihat Editorial**

- |                                  |   |              |
|----------------------------------|---|--------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani      | – | Ketua Sektor |
| Naza Idris bin Saadon            | – | Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad               | – | Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman      | – | Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah          | – | Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said              | – | Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | – | Ketua Sektor |
| Hj Sofian Azmi bin Tajul Arus    | – | Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria             | – | Ketua Sektor |
| Norashikin binti Hashim          | – | Ketua Sektor |

**Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi**

Saripah Faridah binti Syed Khalid  
Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

**Pereka Grafik**

Siti Zulikha binti Zelkepli



ISBN 978-967-420-540-9



**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
62604 Putrajaya.  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://bpk.moe.gov.my>